



## SIARAN MEDIA MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA

### MOT, MOSTI DAN KKM BERKOLABORASI DALAM PROGRAM PEMBERIAN VAKSIN BAGI SEKTOR PENGANGKUTAN

Sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), sektor pengangkutan merupakan antara perkhidmatan perlu (essential services) yang terus beroperasi 24 jam 7 hari seminggu dalam memastikan kelangsungan hidup rakyat selain memastikan pergerakan barangan dan penumpang tidak terjejas. Sehubungan itu, Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) dengan kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melancarkan Program Pemberian Vaksin bagi Sektor Pengangkutan meliputi ketiga-tiga sektor perkhidmatan iaitu maritim, udara dan darat.

MOT telah mendapat kelulusan Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF) pada 21 Jun 2021 bagi melaksanakan program pemberian vaksin kepada barisan hadapan sektor pengangkutan iaitu pelaut, petugas pelabuhan, lapangan terbang, pengangkutan darat serta rel yang melibatkan lebih dari 51,500 orang. Syarikat-syarikat pengangkutan yang terlibat dengan program ini akan menanggung secara bersama kos penyediaan Pusat Pemberian Vaksin (PPV). Manakala bekalan vaksin diberikan secara percuma oleh Kerajaan.

Dalam hubungan ini, Program pertama pemberian vaksin sektor pengangkutan bermula dengan program Vaksinasi melalui PPV swasta sektor maritim yang dikendalikan oleh Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) pada 25 Jun 2021 di Dewan Kelab Sukan Lembaga Pelabuhan Klang (LPK), Pelabuhan Klang, Selangor. Program ini akan melibatkan 10,000 pelaut dan petugas pelabuhan dan kapasiti pengendalian PPV ini adalah 1,000 orang sehari. LPK juga bertindak sebagai penyelia bagi petugas pelabuhan manakala Kumpulan Wang Pusat Perdagangan Laut (KWPPPL) melalui Jabatan Laut Malaysia (JLM) menyelia bagi pelaut.

Pendekatan ini akan memanfaatkan seramai 18,596 orang atau 53% penyelia dan petugas pelabuhan di wilayah tengah yang layak menerima vaksin bagi fasa pertama ini. Jumlah keseluruhan penyelia dan petugas pelabuhan di Malaysia adalah seramai 59,155 orang. Kriteria kelayakan penerima ditentukan oleh KKM dan mengambil kira pelbagai faktor termasuk ibu hamil atau menyusu, atau lain-lain faktor perubatan.

Program Pemberian Vaksin sektor pengangkutan ini akan diteruskan selepas ini melibatkan sektor pengangkutan udara yang akan bermula pada 5 Julai 2021 di Bangunan Terminal Utama KLIA dengan melibatkan 22,243 petugas lapangan terbang, kakitangan syarikat penerbangan dan petugas kargo.

Bagi sektor pengangkutan darat yang melibatkan pengangkutan awam darat, beberapa PPV turut akan dibuka di beberapa lokasi di seluruh negara bagi memastikan 19,259 petugas rel dan pemandu bas dapat diberikan vaksinasi dalam masa terdekat.



Di samping itu, MOT bersama pihak CITF sedang menyelaraskan program vaksinasi kepada pemandu teksi/ e-hailing, pemandu bas dan petugas penghantar barangan (p-hailing) seperti foodpanda dan Grab dengan jumlah keseluruhan dianggarkan 355,064 orang di seluruh negara. Program ini akan dilaksanakan di bawah PPV Awam dan Kerajaan akan menanggung keseluruhan kos tersebut.

Pemberian vaksin sektor maritim yang diadakan pada hari ini juga adalah sempena Hari Untuk Pelaut Sedunia (Day of the Seafarer) yang diraikan pada 25 Jun setiap tahun. Pelaut yang merupakan tunjang kepada sektor perkapalan harus diberikan keutamaan memandangkan pergerakan barangan dan bekalan negara bergantung kepada sektor perkapalan dan pelabuhan yang mampan.

MOT komited dan akan terus bekerjasama dengan CITF untuk menjayakan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) terutama dalam memastikan petugas industri pengangkutan menerima vaksin secepat mungkin.

**DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG**  
**MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA**  
**25 JUN 2021**

**-TAMAT-**

---

#### **Tentang MOT:**

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk menjadi peneraju transformasi sistem pengangkutan yang bersepadu, efisien dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berteraskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

#### **Pertanyaan Media:**

##### **Kementerian Pengangkutan Malaysia**

Tel +603 8892 1006 (Setiausaha Akhbar)  
+603 8892 1027 (Unit Komunikasi Korporat)  
Fax +603 8892 0208  
E-mail [sua@mot.gov.my](mailto:sua@mot.gov.my)  
[unitkomunikasikorporat@mot.gov.my](mailto:unitkomunikasikorporat@mot.gov.my)